

TARIKH : 15 OGOS 2020
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35

IIP Suku Kedua RM57.3 bilion

KUALA LUMPUR: Kedudukan pelaburan antarabangsa Malaysia (IIP) mencatat kedudukan aset bersih yang lebih tinggi iaitu RM57.3 bilion pada suku kedua tahun ini daripada RM27.1 bilion suku sebelumnya.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, kedudukan pelaburan antarabangsa pada suku kedua 2020 disumbangkan terutamanya oleh pelaburan langsung sebanyak 31.8 peratus dan pelaburan portfolio 24.3 peratus.

Beliau berkata, rizab antarabangsa pula berada pada RM443.0 bilion berbanding RM440.0 bilion suku sebelumnya.

"Pelaburan langsung asing (FDI) berkurangan kepada RM2.2 bilion daripada RM6.4

bilion pada suku sebelumnya disebabkan pelaburan yang lebih rendah dalam sektor pembuatan.

"FDI pada suku ini dicatatkan terutamanya dari Belanda, British Virgin Islands dan Singapura dalam sektor perlombongan dan pengkuarian, kewangan dan utiliti," kata beliau dalam kenyataan sempena pengumuman laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Suku kedua 2020 di sini semalam.

Mohd. Uzir berkata, pelaburan langsung di luar negara berkembang kepada RM3.5 bilion dan destinasi utama ialah Indonesia, Kanada dan United Kingdom serta disalurkan sektor-sektor kewangan, pembuatan dan maklumat dan komunikasi.